

'Malaysia, Brunei atasi masalah rantai penawaran

ISMAIL DAUD

Melaporkan dari
Bandar Seri Begawan



BANDAR SERI BEGAWAN: Malaysia dan Brunei melihat kerjasama serantau sebagai platform terbaik dan sangat berpotensi untuk diteroka dalam memastikan masalah rantai penawaran tidak lagi berlaku disebabkan gangguan luar seperti perang dan penularan wabak.

Menteri Luar, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir berkata, pandemik Covid-19 yang telah memperlambatkan ekonomi dunia selama dua tahun dan perang Russia Ukraine yang masih berlarutan sehingga kini adalah bukti idea globalisasi kini tercabar apabila tidak dapat memenuhi rantai penawaran dan permintaan dunia.

Bagaimanapun, menurutnya, menerusi kerjasama serantau pasca pandemik Covid-19, menyaksikan pertumbuhan amat positif dalam perdagangan antara kedua-dua negara yang melepasi angka RM10 bilion pada tahun lalu.

Tahun lalu, dagangan antara Malaysia Brunei meningkat kepada RM13.22 bilion berbanding RM8.03 bilion pada 2021 dan RM4.71 bilion pada 2020.

"Dalam hal ini, ASEAN khususnya Malaysia dan Brunei berperanan besar untuk menentukan supaya rantai penawaran



KETIBAAN Anwar Ibrahim untuk lawatan rasmi ke Brunei disambut oleh Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Brunei, Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, di Bandar Seri Begawan, semalam.
- PEJABAT PERDANA MENTERI

tidak terganggu. Pergerakan barangan dan perkhidmatan dapat dilakukan dalam rantau ini dengan lebih mudah tanpa perlu bergantung kepada sumber yang terlalu jauh.

"Kerjasama peringkat ASEAN akan beri kelebihan untuk kita dan saya yakin Malaysia dan Brunei akan lihat kerjasama peringkat rantau itu akan memberi nilai tambah kepada pertumbuhan kedua-dua negara, sekaligus dapat mengatasi kesenjangan ekonomi," katanya di sini semalam.

Kerjasama itu adalah antara

yang beliau bincang dalam pertemuan empat mata dengan Menteri Luar II Brunei, Datuk Seri Setia Erywan Mohd. Yusof malam semalam sempena lawatan rasmi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Brunei selama dua hari mulai semalam.

Sehubungan itu, kata Zambry, memorandum persefahaman (MoU) antara Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Agensi Pelaburan Brunei (BIA) hari ini sangat penting untuk mencapai hasrat itu apabila beberapa bidang ekonomi baharu akan

diteroka selepas ini.

"Kita melihat bidang penting seperti ekonomi digital, industri minyak dan gas, pembuatan pintar, kecerdasan buatan (AI) dan pertanian pintar, selain pelancongan dan industri makanan berpotensi untuk dikembangkan dan dimantapkan," katanya.

Zambry menambah, kedua-dua negara juga mahu menjadikan industri makanan halal sebagai bidang kerjasama yang boleh diperkukuhkan bagi memenuhi keperluan kira-kira dua bilion umat Islam di seluruh dunia.